



**BERGAMBAR** kenangan bersama, para peserta dan penduduk kampung yang dilawat semasa program.

## UMS wujudkan k-sama dengan sembilan Rukun Tetangga Inanam

NST 28.4.2019 2

**OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**

**KOTA KINABALU:** Jabatan Sains Bioperubatan dan Terapeutik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mewujudkan kerjasama dengan sembilan kawasan Rukun Tetangga Inanam dalam usaha membudayakan gaya hidup sihat.

“Program Perkhidmatan

Komuniti: Jom Sihat Bah 4.0 itu merupakan acara yang dirancang dan diadakan bertujuan bagi memberi penekanan bahawa aspek kesihatan adalah teras utama kepada usaha mewujudkan keluarga yang bahagian,” kata Dekan FPSK Prof. Dr. Mohammad Saffee Jeffree semasa hadir sama dalam program itu.

Turut hadir Pengerusi kawasan rukun tetangga Noutun

selaku Ketua Anak Negeri Inanam, Gundohing Christopher Motigil.

Antara acara menarik yang diadakan sepanjang program berlangsung adalah senamrobik, seminar kesihatan, saringan kesihatan, derma darah dan cabutan tiket bertuah.

Acara yang diadakan itu merupakan acara tahunan yang disertai oleh pelajar FP-SK, UMS.